

TREND JENAYAH DI MALAYSIA  
KINI DAN KEMUNGKINAN  
DI MASA DEPAN

Disediakan Untuk  
SEMINAR MENGENAI JENAYAH DI MALAYSIA  
ANJURAN JABATAN ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
20hb. Ogos 1988

Oleh:  
Cawangan Penyelidik/Perancang  
Jabatan Siasatan Jenayah  
Polis Di Raja Malaysia  
Bukit Aman.

## KATA PENDAHULUAN

---

Kertas Seminar ini telah disediakan atas permintaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya sebagai salah satu tajuk untuk dibentangkan dalam Seminar mengenai Jenayah di Malaysia. Kertas ini membentangkan kedudukan dan corak jenayah di negara ini bagi tempoh 10 tahun kebelakangan berasaskan rekod-rekod jenayah yang terkumpul. Tinjauan yang dibuat ke atas kedudukan dan corak jenayah adalah secara am dan dinilai melalui kajian berunsur praktikal dan bukannya merupakan kajian akademik yang mempunyai hipotesis dan teori-teori tertentu.

Sukacita diumumkan inilah kali pertama Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia telah diminta membentangkan Kertas seumpama ini oleh sebuah Pusat Pengajian Tinggi. Pihak Polis khususnya Jabatan Siasatan Jenayah sangat-sangat menghargai dan mengalu-alukan usaha seperti ini oleh kerana ianya merupakan satu pendekatan baru yang akan memberi faedah kepada kedua belah pihak. Perlu juga dijelaskan di sini bahawa istilah-istilah yang digunakan bagi memperkenalkan beberapa perkara seperti jenis-jenis jenayah dan sebagainya adalah merupakan istilah lazim yang digunakan oleh pihak Polis.

Melalui maklumat yang terkandung di dalam Kertas Seminar ini kemungkinan terdapat beberapa bidang yang boleh menjadi asas atau bahan untuk dijadikan kajian secara akademik.

Sehubungan dengan itu maklumat-maklumat lanjut yang diperlukan  
bolehlah diperolehi dengan menghubungi Cawangan ini.

Sekian.

**Pengarah**  
**Jabatan Siasatan Jenayah**  
**Bukit Aman**

Ogos 1988

**PEMBERIAN KUASA UNTUK  
MENGGUNA KERTAS SEMINARINI**

---

Penggunaan, Rujukan dan Salinan bagi sebahagian atau keseluruhan Kertas Seminar ini mestilah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman.

**TAJUK : TREND JENAYAH DI MALAYSIA KINI  
DAN KEMUNGKINAN DI MASA DEPAN**

---

**PENDAHULUAN**

Jenayah merupakan satu fenomena sosial. Ia telah dan akan terus menjadi topik yang amat menarik kepada kebanyakan orang. Sekarang ini terdapat banyak penulisan terhadap topik tersebut di mana ahli-ahli kriminologi, sosiologi dan saikoloji cuba menganalisa sebab-sebab berlakunya jenayah melalui berbagai pendekatan dalam mengkaji dan menilainya. Penganalisaan terhadap jenayah dan sebab-sebabnya ia sering berlaku boleh dibuat melalui kajian statistik jenayah. Statistik jenayah dirangka dan dikumpulkan untuk memperlihatkan maklumat yang agak tepat terhadap insiden dan kekerapan sesuatu jenis penjenayah yang spesifik bagi tujuan sesuatu tindakan sosial.

2. Trend atau corak jenayah sesuatu negara diterangkan melalui kajian statistik jenayah. Statistik ini digunakan sebagai petunjuk terhadap situasi jenayah bagi sesuatu negara dari masa kesemasa dalam mana strategi dan program pencegahan jenayah dirangka dan dilaksanakan.

3. Hampir di semua negara membangun dan sedang membangun, data-data statistik menunjukkan bahawa jenayah meningkat. Fenomena ini merupakan satu masalah utama bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa. Pembangunan tidak semestinya disusuli dengan peningkatan jenayah, tetapi faktor-

faktor sosio-ekonomi yang wujud dalam proses pembangunan kadangkala boleh menimbulkan suasana dan peluang yang sesuai untuk berlakunya jenayah. Justru, perkembangan ekonomi boleh mengakibatkan peningkatan jenayah dan faktor-faktor yang berkaitan dengan proses pembangunan, seperti kemerosotan hubungan kekeluargaan, urbanisasi yang tidak terancang, kadar perkembangan sektor tertentu yang berbeza, perubahan pendapatan yang tidak seimbang, mobiliti sosial, kemerosotan ikatan tradisional dan sebagainya mempunyai pengaruh dalam sesuatu bentuk jenayah. Malaysia, sebagai sebuah negara yang sedang membangun juga menghadapi fenomena yang sama.

4. Di semua negara, penyiasatan polis hanya dimulakan apabila sesuatu jenayah dilaporkan. Oleh yang demikian rekod-rekod rasmi yang diselenggara oleh polis cuma menunjukkan insiden-insiden yang dilaporkan kepada polis ataupun yang diketahui oleh polis. Justru itu, rekod-rekod yang disimpan oleh polis adalah terhad, ini adalah kerana terdapatnya 'dark figures' iaitu kejadian-kejadian jenayah yang tidak dilaporkan.

#### TUJUAN

5. Tujuan Kertas Seminar ini ialah untuk :-

5.1. memberi gambaran mengenai kedudukan dan corak jenayah bagi tempoh 10 tahun kebelakangan dan membuat rumusan ke atas kemungkinan kejadian jenayah di masa hadapan.

5.2. membuat beberapa syor bersepada bagi mengelakkan kejadian jenayah yang kurang sihat terhadap pembangunan Negara.

SKOP

6. Kertas Seminar ini tidak akan membincangkan secara terperinci mengenai angkubah-angkubah yang menyebabkan berlakunya jenayah. Ianya bukan merupakan kajian akademik yang mempunyai hipotesis dan teori-teori tetapi hanya akan membentangkan keadaan jenayah di Malaysia dari perspektif praktikal dan daripada perangkaan yang disimpan oleh Polis Diraja Malaysia.

JENAYAH PETUNJUK

7. Seperti dikebanyakkan negara-negara lain, Malaysia mengumpul statistik jenayah bagi mengawasi keadaan jenayah di-dalam negara. Polis Diraja Malaysia mengumpul statistik jenayah terhadap kejadian-kejadian jenayah yang dipanggil 'Jenayah Indeks'.

7.1. Definisi Jenayah Indeks

Jenayah Indeks ialah jenayah yang dilaporkan dengan kerap serta memberi kesan yang ketara dan memadai untuk memberi makna sebagai satu petunjuk kepada keadaan jenayah Negara.

7.2. Pecahan Jenayah Indeks

Jenayah Indeks dibahagikan kepada dua ketogeri iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda.

Jenis-jenis jenayah yang terletak di bawah kedua-dua ketogeri ini adalah seperti berikut:-

### 7.2.1. Jenayah Kekerasan

Bunuh

Cuba Bunuh

Samun Berkawan Bersenjata Api

Samun Berkawan Tanpa Senjata Api

Samun Bersenjata Api

Samun Tanpa Senjata Api

Rogol

Dengan Sengaja Mencederakan Manusia  
(Sek. 324-326 Kanun Keseksaan)

### 7.2.2. Jenayah Harta Benda

Pecah Rumah Dan Curi Siang Hari

Pecah Rumah Dan Curi Malam Hari

Curi Motovan/lori

Curi Motokar

Curi Motosikal/Skuter

Curi Basikal

Kecurian-kecurian lain.

### TREND JENAYAH

8. Dari kajian 'ke atas perangkaan Jenayah yang statik' bagi tempoh 10 tahun yang lalu didapati jenayah di negara ini menunjukkan satu trend yang meningkat. Kajian ini adalah statik kerana angkubah-angkubah seperti pertumbuhan penduduk dan urbanisasi tidak diambil kira dan ada kemungkinan pertumbuhan jenayah ini disebabkan oleh pertumbuhan penduduk. Dengan mengambil kira tahun 1978 sebagai tahun asas, didapati Jenayah Indeks telah

meningkat sebanyak 18,159 kes atau (27.07%) dalam tahun 1987 iaitu dari 67,089 kes yang dilaporkan dalam tahun 1978, meningkat kepada 85,248 kes dilaporkan dalam tahun 1987.


9. Dari segi Jenayah Kekerasan didapati kejadiannya meningkat sebanyak 5,334 kes atau (89.09%) iaitu dari 5,987 kes yang dilaporkan dalam tahun 1978, meningkat kepada 11,321 kes dalam tahun 1987. Bagi Jenayah Harta Benda pula, kejadiannya meningkat sebanyak 12,825 kes atau (21.0%) iaitu dari 61,102 kes yang dilaporkan dalam tahun 1978, meningkat kepada 73,927 kes dalam tahun 1987. Adalah perlu dijelaskan bahawa kadar Jenayah Kekerasan adalah lebih kurang 13.3% sahaja dari keseluruhan Jenayah Indeks. Ini adalah oleh kerana kemungkinan motivasi perlakuan jenayah lebih didorong oleh sebab-sebab ekonomi dan ini lebih jelas di negara-negara sedang membangun.

10. Peningkatan kadar Jenayah Harta Benda juga mempunyai kaitan dengan penambahan aktiviti ekonomi keseluruhannya. Penambahan harta atau barang-barang yang boleh menjadi sasaran kecurian juga adalah satu punca yang menyebabkan meningkatnya kadar Jenayah Harta Benda. Ini sering berlaku bagi negara-negara yang sedang pesat membangun dari segi ekonomi kerana dalam kesungguhan untuk kita membangun kita telah ketinggalan untuk meningkatkan aspek kesedaran sivik dan keutuhan 'rohani' masyarakat. Dengan itu dalam masa yang sama juga kadar peningkatan Jenayah Harta Benda adalah lebih ketara jika dibandingkan dengan kadar peningkatan Jenayah Kekerasan.


11. Disebabkan nilai pertimbangan masyarakat kita lebih mementingkan nyawa dari segala-galanya maka setiap ancaman yang boleh mengakibatkan maut atau kecederaan kepada tubuh badan sentiasa diberi perhatian utama. Berasaskan hakikat ini jugalah maka dalam keadaan menghadapi ancaman jenayah, seseorang itu lebih mengutamakan Jenayah Kekerasan dari Jenayah Harta Benda. Ini juga telah menyebabkan gambaran Jenayah Kekerasan yang sentiasa mendapat simpati bila dilapor di media masa.

12. Untuk melihat gambaran yang jelas, di bawah ini dibentangkan trend jenayah tersebut yang berbentuk graf.


### TREND JENAYAH INDEKS 1978 – 1987



## TREND JENAYAH KEKERASAN 1978 – 1987



## TREND JENAYAH HARTA BENDA 1978 – 1987



#### TREND JENAYAH MENGIKUT 100,000 PENDUDUK


13. Kebanyakkan negara menggunakan ukuran Jenayah bagi 100,000 penduduk dan ini adalah supaya dapat menjelaskan dan mengambil kira pengaruh pertumbuhan penduduk ke atas peningkatan jenayah. Dari segi peningkatan mengikut 100,000 penduduk di negara ini, dengan mengambil kira tahun 1978 sebagai tahun asas, didapati kadar jenayah setiap 100,000 penduduk telah meningkat sebanyak 5.96% (30 kejadian) iaitu dari 503 kejadian setiap 100,000 penduduk dalam tahun 1978 kepada 533 kejadian setiap 100,000 penduduk pada tahun 1987. Sungguhpun demikian kadar kejadian jenayah mengikut 100,000 orang penduduk adalah lebih rendah pada tahun 1987 jika dibandingkan dengan tahun 1985 dan 1986 di mana pada tahun 1985 kadarnya ialah 586 kes (-9.0%) setiap 100,000 penduduk dan tahun 1986 ialah sebanyak 610 kes (-12.6%) setiap 100,000 penduduk.

14. Bagi Jenayah Kekerasan, dalam tempoh 10 tahun yang lalu kadarnya telah meningkat sebanyak 26 kes atau 57.78% setiap 100,000 penduduk iaitu dari 45 kes bagi 100,000 penduduk pada tahun 1978 meningkat kepada 71 kes pada tahun 1987. Walaupun demikian perangkaan bagi tahun 1987 adalah lebih rendah daripada tahun 1985 dan 1986 di mana pada tahun 1985 kadar bagi tiap-tiap 100,000 penduduk ialah 75 kes atau (-5.33%) dan bagi tahun 1986 ialah 82 kes atau (-13.4%).

15. Bagi Jenayah Harta Benda pula, peningkatan dalam tempoh 10 tahun yang lalu tidaklah tinggi iaitu hanya 4 kes atau 0.87% iaitu dari 458 kes bagi 100,000 orang penduduk pada tahun 1978,

meningkat kepada 462 kes pada tahun 1987. Daripada kajian begini adalah jelas juga bahawa telah timbul trend bahawa Jenayah Kekerasan telah meningkat dengan lebih ketara daripada Jenayah Harta Benda. Ini telah dijadikan rangsangan tindakan Jabatan Polis untuk menumpukan perhatian ke atas jenayah-jenayah tersusun dan terancang (organised) seperti Samun Bersenjata Api.

### TREND JENAYAH INDEKS 100,000 PENDUDUK.



16. Untuk mengetahui kadar peningkatan/penurunan Jenayah Indeks bagi 100,000 penduduk dari setahun ke setahun mulai tahun 1978 hingga 1987 di bawah ini diperturunkan perangkaan berikut :-

KADAR JENAYAH MENGIKUT 100,000 PENDUDUK  
BAGI TAHUN 1978 HINGGA 1987

TAHUN	JENAYAH INDEKS BAGI 100,000 PENDUDUK	PERUBAHAN PERATUSAN
1978	503	
1979	517	+ 2.8%
1980	527	+ 1.9%
1981	514	- 2.5%
1982	479	- 6.8%
1983	509	+ 6.3%
1984	524	+ 2.9%
1985	586	+ 1.8%
1986	609	+ 3.9%
1987	532	- 2.7%

17. Berikut pula ialah perangkaan Jenayah Indeks mengikut kadar 100,000 penduduk bagi negeri-negeri secara perbandingan di antara tahun 1978 dan 1986 :-

NEGERI	JENAYAH/ 100,000 PENDUDUK	JENAYAH/ 100,000 PENDUDUK	PERUBAHAN PERATUSAN
	TAHUN 1986	TAHUN 1978	
JOHOR	529	502	+ 5.4%
KELANTAN	227	159	+ 42.8%
MELAKA	438	307	+ 42.7%
N. SEMBILAN	642	670	- 4.2%
PAHANG	404	376	+ 7.4%
PERAK	539	633	- 14.8%
KEDAH/PERLIS	334	486	- 31.3%
P. PINANG	1,119	887	+ 26.2%
SELANGOR	685	601	+ 13.9%
TERENGGANU	287	237	+ 21.1%
K. LUMPUR	1,855	1,031	+ 79.9%
SABAH	351	268	+ 30.9%
SARAWAK	296	261	+ 13.4%

18. Dari perangkaan di atas, kedudukan jenayah bagi 100,000 penduduk menunjukkan bahawa bagi negeri-negeri seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Johor

mempunyai kadar yang lebih tinggi berbanding dengan lain-lain negeri. Dari segi perbezaan di antara 1978 dan 1986 didapati Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu sebanyak 79.9% diikuti oleh Kelantan 42.8%, Melaka 42.7%, Sabah 30.9%, Pulau Pinang 26.2% dan Terengganu 21.1% dan ini mungkin berkaitan dengan kadar kepesatan urbanisasi atau faktor-faktor lain yang khusus dan 'perculiar'.

19. Kadar jenayah adalah bergantung kepada berbagai faktor. Sungguhpun belum ada kajian khusus dibuat untuk mengetahui secara lebih tepat faktor-faktor yang mempengarohi kadar jenayah di negara ini, tetapi secara am beberapa faktor telah dikenalpasti. Diantaranya ialah faktor kemasyarakatan, 'demographic', corak sosial dan kebudayaan, perkembangan ekonomi yang agak berbeza dari satu kawasan dengan satu kawasan yang lain dan faktor 'geographical' sesuatu kawasan. Faktor ini bukan sahaja merupakan pengaruh utama dalam menentukan kadar jenayah, malah ia juga didapati mempengaruhi jenis-jenis jenayah yang berlaku.

20. Dari kajian yang telah dijalankan didapati jenis-jenis jenayah yang meningkat dengan ketara dalam tempoh 10 tahun yang lalu terdiri dari jenayah yang boleh dicegah. Jenayah-jenayah tersebut beserta perubahan peratus peningkatannya bagi tahun 1978 dan 1987 adalah seperti berikut:-

	1978			1987			Perubahan Peratus
	Jumlah Laporan Jenayah Indeks	Z dari Jenayah H/Benda	Z dari Kekerasan	Jumlah Laporan Jenayah Indeks	Z dari Jenayah H/Benda	Z dari Kekerasan	1978/1987
Samun Bersenjata Api	443	0.6%	-	7,31	919	1.1%	-
Samun Tanpa Senjata Api	3,195	4.7%	-	53,31	6,688	7.8%	-
Pecah Rumah Dan Curi (Siang Dan Malam Hari)	17,222	25.6%	28.1%	-	22,203	26.1%	30.0%
Curi Kenderaan Bermotor	7,142	10.6%	11.6%	-	17,785	20.8%	24.1%
Lain-Lain Kecurian	29,177	43.4%	47.7%	-	30,464	35.7%	41.2%

21. Jelas daripada perangkaan yang dibentangkan di atas, kejadian-kejadian Samun Bersenjata Api, Samun Tanpa Senjata Api dan Curi Kenderaan Bermotor telah meningkat melebihi 100%. Yang paling ketara sekali ialah kenaikan kes Curi Kenderaan Bermotor yang telah meningkat sebanyak 149%. Keadaan peningkatan jenayah yang berlaku mungkin disebabkan oleh kadar pembangunan negara ini yang amat pesat di mana perkembangannya telah mengakibatkan berlakunya penghijrahan dari desa ke bandar yang sekaligus telah memburukkan lagi keadaan pengangguran yang telah sedia wujud di bandar-bandar. Dengan berlakunya keadaan kemelesetan ekonomi semenjak beberapa tahun yang lalu, bilangan penganggur telah semakin bertambah dan ini juga mungkin merupakan salah satu sebab peningkatan jenayah yang ketara semenjak tahun 1983.

22. Dalam Kategori Jenayah Kekerasan, Samun Bersenjata Api, Samun Tanpa Senjata Api dan Rogol juga didapati meningkat

mengikut kadar 100,000 orang penduduk bagi tempoh 10 tahun yang lalu. Keadaan kedua-dua jenis samun tersebut adalah seperti berikut :-

22.1. Samun Bersenjata Api

Pada tahun 1978 kadar kejadian Samun Bersenjata Api ialah 3 kes bagi tiap-tiap 100,000 orang penduduk, tetapi dalam tahun 1987 kadar telah meningkat kepada 6 kes iaitu peningkatan sebanyak 3 kes atau 100%. Peningkatan yang paling tinggi ialah pada tahun 1986, di mana tiap-tiap 100,000 orang penduduk 7 kes berlaku iaitu peningkatan sebanyak 4 kes atau 133.3% setiap 100,000 penduduk. Terdapat hubungkait di antara penyeludupan senjata api haram dengan kejadian Samun Bersenjata Api. Dari kajian, didapati bahawa jumlah senjata api haram yang dirampas meningkat iaitu dari sebanyak 62 pucuk senjata api yang dirampas dalam tahun 1978 kepada 173 pucuk dalam tahun 1987 iaitu meningkat sebanyak 111 pucuk atau 179%. Begitu juga dengan kejadian samun Bersenjata Api telah meningkat dari 443 kejadian dalam tahun 1978 kepada 919 kejadian dalam tahun 1987 iaitu meningkat sebanyak 476 kejadian atau 107%. Kajian menunjukkan bahawa 32.7% daripada Samun Bersenjata Api bagi tempoh 3 tahun yang lepas berlaku di tempat bebas. Hanya

3.3% berlaku di Kedai Emas, 0.4% berlaku di Bank dan 1.6% berlaku di Syarikat Kewangan.

Sungguhpun kejadian samun ke atas Institusi Kewangan bagi tempoh 3 tahun kebelakangan merupakan bilangan yang rendah berbanding dengan lain-lain sasaran, tetapi mulai awal tahun ini kejadian jenayah jenis ini telah meningkat dengan agak ketara. Pihak Polis menganggap ini sebagai satu trend baru dan memandang berat di atas perubahan ini. Segala usaha sedang dilaksanakan bagi membendung kejadian Samun Bersenjata Api ke atas Institusi-Institusi Kewangan. Berikut dibentangkan kedudukan kejadian Samun Bersenjata Api mengikut sasaran bagi tempoh 1985 hingga 1987:-

KEJADIAN SAMUN BERSENJATA API  
MENGIKUT TEMPAT

TEMPAT KEJADIAN	1985	1986	1987	JUMLAH
	JUMLAH LAPORAN			dan (Peratusan)
	JUMLAH	JUMLAH LAPORAN	JUMLAH LAPORAN	JUMLAH LAPORAN
Tempat Bebas	281	401	301	1983 (32.7%)
Rumah Kediaman	202	178	168	1548 (18.2%)
Tempat-tempat lain	92	186	96	1374 (12.4%)
Kedai	210	130	151	1491 (16.3%)
Pejabat	77	51	46	1174 (5.7%)
Stesyen Minyak	52	49	48	1149 (4.9%)
Kedai Emas	36	22	44	1102 (3.3%)
Wang Gaji	10	32	17	59 (1.9%)
Syarikat Kewangan	29	10	10	49 (1.6%)
Kilang	6	10	15	31 (1.0%)
Hotel	5	5	18	28 (0.9%)
Bank	5	4	5	14 (0.4%)
JUMLAH :	1,005	1,078	919	13,002 (100%)

## 22.2. Samun Tanpa Senjata Api

Mengikut kajian 100,000 orang penduduk, nisbah kejadian Samun Tanpa Senjata Api juga telah meningkat dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Pada tahun 1978 nisbahnya ialah 24 kes bagi tiap-tiap 100,000 orang penduduk, tetapi pada tahun 1987 nisbahnya telah meningkat kepada 42 kes setiap 100,000 penduduk iaitu peningkatan sebanyak 18 kes atau 75% setiap 100,000 penduduk. Peningkatan yang paling ketara ialah pada tahun 1986 di mana 51 kes berlaku bagi tiap-tiap 100,000 orang penduduk iaitu peningkatan sebanyak 24 kes atau 112.5%.

## 22.3. Rogol

Kajian mendapati bahawa bilangan kes-kes Rogol juga telah meningkat mengikut nisbah 100,000 orang penduduk. Peningkatan tersebut merupakan satu peningkatan yang agak tinggi di mana dari 2 kejadian bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 1978, meningkat kepada 4 kejadian (100%) pada tahun 1987. Mengikut kajian peningkatan kejadian Rogol mempunyai kaitan dengan langkah-langkah yang diambil untuk meyakinkan lagi mangsa-mangsa supaya rela membuat laporan Polis. Perlu juga dijelaskan bahawa secara purata hampir 50%

dari pada pengaduan yang dibuat merupakan kejadian-kejadian yang tiada kesahihan seperti mangsa memberi persetujuan atau didesak oleh keluarga supaya membuat pengaduan atas sesuatu sebab.

22.4. Berasaskan kajian bagi tahun 1987 didapati 28.9% dari mangsa rogol adalah dalam peringkat umur di bawah 14 tahun, 14.5% berumur antara 14 hingga 16 tahun dan 56.6% berumur 16 tahun ke atas.


22.5. Berikut ialah perangkaan Jenayah Rogol mengikut kadar 100,000 penduduk bagi tahun 1978 hingga 1987 :-

TAHUN	JUMLAH LAPORAN	JENAYAH/ 100,000 PENDUDUK
1978	312	2
1979	388	2
1980	368	2
1981	360	2
1982	442	3
1983	460	3
1984	470	3
1985	530	3
1986	688	4
1987	668	4

22.6. Bagi gambaran yang lebih jelas di bawah ini dibentangkan kedudukannya dalam bentuk graf.

## TREND JENAYAH KEKERASAN

100,000 PENDUDUK



23. Dalam kategori Jenayah Harta Benda, kes-kes Kecurian Kenderaan Bermotor serta Pecah Rumah dan Curi didapati meningkat, sementara kes kecurian-kecurian lain menurun dengan ketara, dari segi kejadian mengikut nisbah 100,000 orang penduduk dalam tempoh 10 tahun lalu. Keadaan ketiga-tiga jenis curi tersebut adalah seperti berikut:-

### 23.1. Pecah Rumah Dan Curi

Dengan mengambil kira tahun 1978 sebagai tahun asas, kajian menunjukkan bahawa Kejadian Pecah Rumah Dan Curi telah meningkat sebanyak 10 kes atau 7.75% bagi setiap 100,000 penduduk

berbanding dengan tahun 1987. Pada tahun 1978 kejadian bagi setiap 100,000 penduduk ialah 129 kes, tetapi dalam tahun 1987 kejadiannya meningkat kepada 139 kes. Peningkatan yang paling ketara ialah pada tahun 1985 iaitu sebanyak 167 kes. Walau bagaimanapun peningkatan pada tahun 1987 adalah lebih rendah daripada peningkatan dari tahun 1979 hingga 1986. Kajian menunjukkan 80% kejadian Pecah Rumah dan Curi berlaku pada waktu malam. Dari kajian yang dijalankan, didapati kebanyakkan rumah atau bangunan yang menjadi sasaran ialah kawasan-kawasan perumahan baru. Kajian juga menunjukkan kejadian pecah rumah meningkat bagi tempoh menjelang musim-musim perayaan (festive season).

### 23.2. Curi Kenderaan Bermotor


Kecurian Kenderaan Bermotor juga menunjukkan trend yang meningkat, dari segi nisbah 100,000 orang penduduk. Pada tahun 1978 hanya kira-kira 54 kes dilaporkan mengikut nisbah 100,000 penduduk. Tetapi dalam tahun 1987 nisbah kecurian Kenderaan Bermotor mengikut 100,000 penduduk meningkat kepada 111 iaitu peningkatan sebanyak 58 kes atau 109.4%. Peningkatan yang paling tinggi ialah pada tahun 1986 iaitu 131 kes bagi setiap 100,000 orang penduduk.

### 23.3. Kecurian\_Kecurian Lain

Kejadian Kecurian-Kecurian lain adalah satu-satunya Jenayah yang menunjukkan penurunan mengikut nisbah 100,000 orang penduduk bagi tempoh 10 tahun yang lalu. Dari 219 kes berlaku setiap 100,000 penduduk pada tahun 1978, telah turun kepada 190 kes pada tahun 1987 iaitu kurang sebanyak 29 kes atau 13.3%. Penurunan yang paling rendah sekali ialah pada tahun 1982 iaitu sebanyak 179 kes iaitu turun sebanyak 39 kes atau 17.9%. Jenayah jenis ini mempunyai kaitan dengan penagihan najis dadah. Dipercayai ramai dari penagih-penagih melibatkan diri dalam kegiatan mencuri untuk mendapat wang yang mencukupi bagi menentukan bekalan najis dadah yang diperlukan tidak putus. Bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini terdapat seramai 23,906 orang penagih najis dadah yang dikenalpasti. Seramai 19,125 atau 80% dari mereka terdiri dari penagih-penagih dadah heroin. Secara kasar setiap penagih heroin memerlukan 0.1 gram sehari dengan perbelanjaan sebanyak \$16.00. Ini bererti penagih-penagih ini memerlukan perbelanjaan sebanyak \$11,169,000.00 dalam setahun. Keadaan inilah yang menjadi salah satu punca peningkatan kejadian-kejadian curi yang merupakan sebahagian besar dari Jenayah Indeks keseluruhan.

23.4. Bagi melihat perbandingannya dengan lebih jelas,  
di bawah ini dibentangkan kedudukannya dalam  
bentuk graf.

### TREND JENAYAH HARTA BENDA



### JENAYAH TERANCANG (ORGANISED CRIME)

24. Kejadian jenayah di negara ini juga telah didapati melibatkan sindikit yang berorganisasi dan kegiatan mereka adalah salah satu punca yang mempengaruhi kejadian jenayah secara keseluruhan. Kegiatan penjenayah atau sindikit yang berorganisasi mempunyai kaitan dengan pertubuhan-pertubuhan kongsi gelap 'Chinese Triad Societies' yang telah wujud di negara ini sejak abad ke 18 lagi. Kegiatan mereka telah berkembang mengikut

pengedaran masa serta kemajuan dan perkembangan sosio ekonomi. Corak kegiatan juga turut berkembang sehingga wujudnya kegiatan-kegiatan seperti perjudian, pelacuran, maksiat, perasugut, pengedaran najs dadah dan kutipan wang perlindungan serta juga melakukan Culik Untuk Tebusan.

#### JENIS-JENIS JENAYAH TERSUSUN

##### Perjudian

25. Kegiatan perjudian menjadi satu punca utama pendapatan bagi kumpulan-kumpulan yang terlibat dengan jenayah tersusun. Hasil dari kegiatan ini sering dijadikan sumber memperkembangkan lain-lain kegiatan jenayah yang mereka ceburi. Perjudian tidak terhad kepada rumah perjudian, kelab-kelab dan ekor haram sahaja malah merangkumi perjudian catitaruh haram 'illegal betting' berdasarkan 'legal betting' yang dianjurkan oleh kelab-kelab iumba kuda setiap minggu. Perjudian jenis ini melibatkan wang pusingan berjuta-juta ringgit setiap hari dan pertaruhan dan hasil keuntungan yang menggalakkan. Penglibatan mereka juga telah maju mengikut kemajuan sains dan teknologi dengan terbongkarnya penggunaan alat-alat komunikasi dan paraphernalia yang sofistikated. Penganjur-penganjur judi ini juga kadang kala adalah individu yang bertopengkan perniagaan/pekerjaan yang tidak kriminal.

##### Pelacuran

26. Kegiatan pelacuran masih menjadi salah satu dari punca pendapatan yang stabil bagi kegiatan sindikit jenayah tersusun. Kegiatan ini mula berubah corak dari rumah persundalan kepada rumah-rumah urut, kelab-kelab eksklusif, mess-mess dan 'Health

Centres'. Mereka juga bergiat secara international dengan terbongkarnya penglibatan rakyat-rakyat negara asing yang dijadikan barang dagangan.

### Kecurian Kenderaan

27. Kegiatan curi kenderaan kebanyakannya dilakukan oleh sindiket-sindiket yang berorganisasi dan merupakan satu jenis perniagaan haram yang memberi keuntungan lumayan. Kecurian kenderaan dilakukan dengan cara yang kompleks melibatkan berbagai agensi. Kecurian motokar pada mulanya berlaku dengan ketara di Singapura dalam awal tahun 60'an di mana kenderaan-kenderaan tersebut dibawa ke Semenanjung untuk dijual atau diseludup ke Thailand. Apabila didapati penjualan motokar curi yang diseludup ke Thailand begitu laris maka kecurian motokar turut membiak di negara ini dari setahun ke setahun. Selain dari diseludup ke Thailand, pasaran tempatan juga telah menarik minat sindiket-sindiket berkenaan.

### Pengedaran Najis Dadah

28. Pengedaran najis dadah masih merupakan satu ancaman keselamatan yang terbesar di negara ini. Jenayah ini jelas dilakukan oleh sindikit-sindikit yang mempunyai hubungan antarabangsa. Disebabkan keuntungan besar yang dapat diperolehi melalui kegiatan ini, mereka telah sanggup menghadapi apa jua risiko termasuk risiko menggadai nyawa berasaskan undang-undang yang berkuatkuasa dewasa ini. Disebabkan kedudukannya yang strategik negara ini masih menjadi pusat transit bagi pengedaran ke negara-negara barat, timur dan juga Australia.

## LAIN-LAIN JENIS JENAYAH YANG BERORGANISASI

29. Jenis-jenis jenayah seperti Culik Untuk Tebusan dan Samun Bersenjata Api ke atas Institusi-Institusi Kewangan dan sering dilakukan oleh penjenayah-penjenayah yang berorganisasi. Kegiatan mereka sentiasa mempunyai sasaran yang lebih dari satu dan tidak tertumpu di sebuah negeri atau kontinjen sahaja. Mereka akan terus bergiat dari satu sasaran atau mangsa ke satu yang lain sehingga dikesan dan dibenteras oleh polis. Kejadian seperti ini mempunyai kaitan dengan penyeludupan senjata api haram dari negara jiran ke dalam negara.

## TINDAKAN POLIS TERHADAP AKTIVITI KUMPULAN KONGSI GELAP

30. Pihak Polis sentiasa mengambil tindakan tegas ke atas kegiatan kumpulan Kongsi Gelap di bawah Akta Dharurat No. 5/69, Akta Mencegah Jenayah dan Akta Kediaman Terhad (CAP 39). Dalam tempoh 3 tahun yang lalu seramai 900 orang telah diambil tindakan di bawah Undang-Undang tersebut. Perangkaan mengikut Undang-Undang adalah seperti berikut :-

TINDAKAN	1985	1986	1987	JUMLAH
Sek. 4(1) Akta Dharurat 5/69	118	199	170	487
Sek. 4A(1) Akta Dharurat 5/69	52	53	110	215
Akta Mencegah Jenayah	27	18	24	69
Akta Kediaman Terhad (CAP 39)	52	37	40	129
JUMLAH	249	307	344	900

## JENAYAH PERDAGANGAN

31. Penyelewengan dalam sektor-sektor Koperat, Kewangan, Koperasi, Insuran dan lain-lain adalah merupakan satu jenayah dalam bidang perdagangan. Dengan kepesatan pembangunan di dalam negara ini, penyelewengan dalam bidang-bidang tersebut kerap dilakukan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggongjawab bagi mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda. Kerugian berjuta-juta ringgit dalam bidang-bidang tersebut boleh dianggap sebagai satu sabotaj yang mungkin menggugat keadaan keselamatan dan ekonomi sesebuah negara. Oleh kerana keadaan dan graviti kejadian Jenayah Perdagangan melibatkan masyarakat keseleruhannya, maka ia sering mendapat perhatian umum terutama oleh media-media masa dan ahli-ahli politik. Hasil dari kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara sejak beberapa tahun yang lalu telah timbul satu kegiatan melibatkan kes-kes Jenayah Perdagangan yang dilakukan oleh mereka-mereka yang mempunyai pengaruh secara langsung dalam badan-badan Koperat, Kewangan dan Koperasi yang berkenaan.

32. Dalam tahun 1985, sejumlah 5,201 kes jenayah perdagangan telah dilaporkan berbanding dengan 4,948 kes dalam tahun 1986, iaitu turun sebanyak 253 kes atau 4.86%. Dalam tahun 1987, jumlah kes jenayah perdagangan yang dilaporkan ialah 4,813 kes iaitu turun sebanyak 135 kes atau 2.72%. Dari sebanyak 4,813 kes dalam tahun 1987 telah melibatkan kerugian berjumlah \$153.9 juta dengan sejumlah \$2.1 juta telah dapat kembali. Sementara dalam tahun 1986 dari 4,498 kes yang dilapor, sebanyak \$139 juta kerugian telah dialami, sejumlah \$27.4 juta telah dapat kembali.

## FAKTOR-FAKTOR PENINGKATAN JENAYAH

33. Kepesatan perkembangan ekonomi di dalam negara ini telah mengakibatkan perubahan sosio-ekonomi yang secara langsung atau tidak langsung telah menyebabkan kepada peningkatan jenayah. Antara lain, faktor-faktor yang boleh menyebabkan kepada peningkatan jenayah di negara ini termasuklah:-

### 33.1. Penyalahgunaan Najis Dadah

33.1.1. Negara kita masih lagi menghadapi masalah bilangan penagih najis dadah yang ramai. Kajian yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan Dadah, Universiti Sains Malaysia, menunjukkan bahawa bilangan penagih dadah yang dikesan sejak tahun 1970 sehingga November 1987 ialah seramai 128,131 orang. Dari jumlah tersebut, dianggarkan lebih kurang 80% adalah penagih Heroin, 13% penagih Ganja dan selebihnya terdiri dari penagih candu, morfin, dan pil psikotropik. Seperti yang kita semua ketahui harga dadah di pasaran adalah mahal. Oleh itu penagih-penagih najis dadah memerlukan banyak wang untuk menampung penagihan mereka dan jalan mudah bagi mereka untuk mendapatkan wang ialah dengan melakukan jenayah.

33.1.2. Dalam hubungan ini, pihak polis telah menangkap seramai 31,432 orang dalam tempoh 3 tahun yang lalu di atas berbagai kesalahan di bawah Akta

- 26 -

Dadah Berbahaya (ADB). Pecahan perangkaan tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:-

KESALAHAN	1985	1986	1987	JUMLAH
Sek. 39B ADB	528	456	525	1,509
Sek. 39A(i) ADB	-	-	182	182
Sek. 39A(ii) ADB	178	156	241	575
Lain-lain Seksyen	9,777	8,728	10,661	29,166
<b>JUMLAH</b>	<b>10,483</b>	<b>9,340</b>	<b>11,409</b>	<b>31,432</b>

**NOTA:-**

**Sek. 39B ADB** - Memiliki 15 gram atau lebih Heroin atau Morphine atau Monoacetyl Morphine. Memiliki 1,000 gram atau lebih Candu Masak atau Candu Mentah. Memiliki 200 gram atau lebih Ganja. Memiliki 40 gram atau lebih Cocaine. Memiliki 2,000 gram atau lebih daun Coca.

**Hukuman** - Boleh dihukum gantung sampai mati (mandatori).

**Sek. 39A(i)** - Memiliki di antara 2 hingga 5 gram Heroin atau Morphine atau Monoacetyl Morphine. Memiliki di antara 5 hingga 15 gram Cocaine. Memiliki di antara 20 hingga 50 gram Ganja. Memiliki di antara 100 hingga 250 gram Candu Mentah atau Candu Masak. Memiliki di antara 250 hingga 750 gram daun Coca.

**Hukuman** - Boleh dihukum penjara tidak kurang dari 2 tahun dan tidak lebih dari 5 tahun dengan sebatan tidak kurang dari 6 kali.

**Sek. 39A(ii)** - Memiliki 5 gram atau lebih Heroin atau Morphine atau Monoacetyl Morphine. 15 gram atau lebih Cocaine, 50 gram atau lebih Ganja, 250 gram atau lebih Candu Masak atau Candu Mentah dan memiliki 750 gram atau lebih daun Coca.

**Hukuman** - Boleh dihukum penjara seumur hidup atau tidak kurang dari 5 tahun dan disebat tidak kurang dari 10 kali.

33.1.3. Disamping itu, dalam tempoh 3 tahun yang lalu juga, seramai 2,207 orang telah dikenakan tindakan/sekatkan di bawah Sek. 3(1) Akta Dharurat 5/69 dan Sek. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Pecahan perangkaannya mengikut tahun adalah seperti berikut :-

KESALAHAN	1985	1986	1987	JUMLAH
Sek. 3(1) Akta Dharurat	374	566	438	1,378
Sek. 3(1) ADB (Langkah-langkah Pencegahan Khas)	65	424	340	829
JUMLAH	439	990	778	2,207

### 33.2 Residivis

33.2.1. Residivis ialah orang yang melakukan jenayah lebih dari satu kali. Mengikut rekod Jabatan Polis kira-kira 40% jenayah yang berlaku di dalam negara ini dalam tempoh 3 tahun yang lalu dilakukan oleh residivis. Dalam tahun 1985, dari 46,515 penjenayah yang didaftarkan, 17,325 atau 37.2% adalah residivis. Pada tahun 1986, dari 34,440 penjenayah yang didaftarkan, 16,140 (46.9%) adalah residivis. Sementara pada tahun 1987, dari 37,840 penjenayah yang didaftarkan, sebanyak 15,090 (39.8%) adalah residivis. Perangkaan penjenayah pertama dan residivis bagi tiga tahun tersebut adalah seperti berikut:-

JENIS PESALAH	1985	1986	1987
Penjenayah Pertama	29,190(62.8%)	18,300(53.1%)	22,750(60.1%)
Residivis	17,325(37.2%)	16,140(46.9%)	15,090(39.9%)
JUMLAH DIDAFTARKAN	46,515 (100%)	34,440 (100%)	37,840 (100%)

#### KEMUNGKINAN KEDUDUKAN JENAYAH DI MASA HADAPAN

34. Satu kajian telah dijalankan pada tahun 1986 untuk meramal kedudukan Jenayah Indeks bagi tempoh 5 tahun yang akan datang. Bagi tujuan kajian tersebut, kaedah regrasi linear mudah telah digunakan. Dari kajian tersebut adalah diramalkan bahawa Jenayah Indeks akan turun kira-kira 6.31% dalam tahun 1987 dan kemudian meningkat pada kadar 2,377 kes pada tiap-tiap tahun. Ini bermakna bahawa pada tahun 1988 Jenayah Indeks akan meningkat sebanyak 2.67%, dan pada tahun 1989 meningkat sebanyak 2.6%. Pada tahun 1990 dan 1991 Jenayah Indeks diramalkan meningkat sebanyak 2.53% dan 2.47%. Jika dilihat perangkaan sebenar Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi tahun 1987 adalah didapati bahawa jenayah telah turun sebanyak 10.41% iaitu peratus penurunannya melebihi daripada apa yang telah diramalkan.

35. Bagi Jenayah Kekerasan adalah diramalkan bahawa pada tahun 1987 ia akan turun sebanyak 9.06% dan kemudian meningkat pada kadar 562 kes setiap tahun. Ini bermakna bahawa pada tahun 1988 Jenayah Kekerasan diramal akan meningkat sebanyak 4.81%, dan 4.60% pada tahun 1989, 4.40% pada tahun 1990 serta 4.20% pada tahun 1991. Penurunan sebenar Jenayah Kekerasan yang dilaporkan pada

tahun 1987 ialah sebanyak -11.86% iaitu lebih rendah daripada ramalan. Ini adalah satu kejayaan yang boleh dibanggakan.

36. Bagi Jenayah Harta Benda adalah diramalkan bahawa pada tahun 1987 ia akan turun sebanyak 5.9% dan kemudian meningkat pada kadar 1,815 kes setiap tahun. Ini bermakna bahawa pada tahun 1988 Jenayah Harta Benda diramal akan meningkat sebanyak 2.34% dan 2.29% pada tahun 1989, 2.24% pada tahun 1990, serta 2.19% pada tahun 1991. Penurunan sebenar Jenayah Harta Benda yang dilaporkan pada tahun 1987 ialah sebanyak -10.19% iaitu lebih rendah daripada apa yang diramalkan.

37. Di samping meramalkan tren jenayah yang meningkat, adalah juga diramalkan corak jenayah akan turut mengalami perubahan. Di antara yang akan menarik perhatian ialah penglibatan murid-murid sekolah yang di dalam peringkat umur di antara 14 hingga 18 tahun dalam kegiatan Jenayah Harta Benda dan juga Jenayah Kekerasan seperti Samun dan Rogol. Dari segi jenis jenayah adalah diramalkan Jenayah Perdagangan akan menjadi lebih kompleks dan sophistikated melibatkan perkara-perkara seperti Kem Komoditi, Pemalsuan wang tempatan dan juga negara asing, pemalsuan cek, perniagaan 'pyramid', penipuan 'fly by night' dan sebagainya. Jenayah Terancang atau Organised Crime diramal akan mencapai satu tahap di mana sindikit-sindikit tempatan mempunyai hubungan bercorak antarabangsa khusus bagi kegiatan-kegiatan seperti pengedaran dadah, perjudian, pelacuran, kecurian kenderaan dan penyeludupan termasuk penyeludupan senjata api haram.

38. Gambaran mengenai kedudukan dan corak jenayah di negara ini seperti yang telah dibentangkan itu adalah merupakan satu tinjauan secara am berdasarkan fakta-fakta dan perangkaan yang terkumpul selama ini. Sesuatu punca atau sebab yang disebutkan mempengaruhi sesuatu perkara itu hanya merupakan hipotesis yang belum diuji. Kemungkinan daripada Kertas Seminar ini akan terdapat beberapa bidang yang boleh menjadi asas atau bahan kajian oleh para intelek.

39. Jenayah yang merupakan hasil sampingan (by-product) sosio-ekonomi masyarakat, tidak boleh dibentras semata-mata oleh agensi-agensi penguatkuasaan sahaja. Menyedari hakikat ini, Jabatan Polis sedang berusaha untuk mendapatkan kerjasama orang ramai dalam tindakan membentras jenayah. Selaras dengan hasrat ini, Pasukan Polis sedang berusaha untuk menujuhkan satu jawatkuasa yang dinamakan Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan. Objektif am majlis tersebut ialah untuk memerangi jenayah secara bersepada dalam jangkamasa panjang melalui pendekatan serampang dua mata iaitu :-

39.1. Mengintegrasikan semua agensi kerajaan dan badan sukarela yang terlibat dengan peranan dan fungsi sistem keadilan jenayah ke arah memerangi jenayah.

39.2. Mengembeling tenaga rakyat melalui individu-individu dan organisasi-organisasi sukarela yang berminat ke arah bersama-sama memerangi jenayah.

40. Dengan ertikata lain, MPJK ini akan merupakan satu badan yang akan menentukan, supaya rakyat dan semua institusi yang terlibat secara langsung dengan sistem keadilan jenayah dan badan-badan sukarela serta individu-individu yang berminat dapat menyalurkan khidmat sukarela mereka untuk memerangi jenayah serta mengwujudkan kesetabilan keselamatan bagi keharmonian dan kesentosaan masyarakat.
41. Kita harus sedar bahawa negara dan khususnya kerajaan ketika ini menghadapi berbagai masalah dari segi ekonomi, politik, keselamatan, kebudayaan, sosial dan lain-lain. Untuk mengatasi masalah ini, setiap rakyat perlu memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan agar segala hasrat kerajaan dapat dicapai tanpa masalah-masalah tersebut menjadi penghalang. Sebagai anggota masyarakat, kita juga mempunyai tanggungjawab dan peranan yang penting disegi mengatasi masalah yang dihadapi oleh kerajaan.
42. Berdasarkan kepada keadaan jenayah semasa dan juga keperluan-keperluan kepolisian di kawasan bandar dan luar bandar, Polis Diraja Malaysia sedang menyusun Pasukannya ke arah mencapai konsep yang memberi 'Perkhidmatan kepada masyarakat dan bukan sebagai satu agensi penguatkuasa semata-mata. Selain daripada itu, prinsip utama yang menjadi falsafah Pasukan adalah berasaskan kepada dasar pemerintahan kerajaan iaitu 'satu kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah'.

43. Berpandukan kepada harapan masyarakat yang kian bertambah,  
Pasukan Polis Diraja Malaysia sedang berusaha ke arah memperbaiki  
lagi mutu perkhidmatan keseluruhannya demi kepentingan masyarakat  
dan negara sungguhpun keadaan Jenayah pada keseluruhannya di  
negara ini adalah terkawal.

Disediakan Oleh:-

Cawangan Penyelidik/Perancang,  
Jabatan Siasatan Jenayah,  
Polis Diraja Malaysia,  
Bukit Aman.  
KUALA LUMPUR.